

05

ICT dalam Pendidikan: Suatu Kajian Keberkesanannya Alat ICT bagi Peningkatan Kemahiran Lisan dan Penerapan Nilai Kesantunan ketika Memberi Laporan batik

Azah Abdul Aziz

azah_abdul_aziz@moe.edu.sg

Jumaeyah Zainalabidin

Sekolah Rendah East Spring
jumaeyah_zainalabidin@moe.edu.sg

Abstrak

Kemahiran Lisan membabitkan dua kemahiran asas iaitu kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Murid yang telah menguasai kemahiran ini mampu bertutur, memahami dan mentafsir apa yang didengar. Satu kajian telah dijalankan terhadap 26 murid peringkat darjah 5 yang lemah dalam kemahiran lisan. Satu strategi pembelajaran lisan untuk membimbing murid bagi peningkatan kemahiran lisan dari segi kelancaran dan keyakinan ketika berinteraksi telah dibina dan digunakan. Strategi ini dilakarkan dengan bantuan ICT iaitu perisian ‘*PowToon*’ di mana murid-murid dapat merakam bacaan dan perbualan berdasarkan gambar yang berbentuk video secara individu. Bagi mencapai pembelajaran secara kolaboratif, portal *Primary Wall* digunakan untuk memberi peluang kepada murid memberikan pandangan mereka secara maya. Dalam usaha untuk membantu murid memberikan penilaian yang positif dan membina, guru telah membuat peranahan dan membimbing murid supaya memikirkan komen-komen yang mempunyai nilai kesantunan. Dapatkan kajian menunjukkan aktiviti lisan yang disokong dengan penggunaan ICT telah meningkatkan kemahiran lisan murid dalam penguasaan lisan.

Kata kunci

ICT, Penerapan Nilai, Pengajaran, Lisan

PENGENALAN

Ahmad Kilani (2001) menyatakan bahawa bahasa adalah alat komunikasi antara manusia, termasuklah yang kita gunakan di dalam bilik darjah. Justeru, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam bilik darjah adalah interaksi sosial yang paling berpengaruh di sekolah. Ini kerana guru-guru berinteraksi dengan murid secara langsung hampir setiap hari. Selain itu, bahasa juga adalah salah satu medium utama manusia bersosial. Sesuatu bahasa yang digunakan melambangkan realiti budaya. Kecekapan berbahasa, terutamanya berkaitan lisan, menunjukkan sesuatu bangsa yang mengamalkan budaya tersebut. Impak yang lebih besar ini mampu menterjemahkan betapa pentingnya kemahiran lisan pada murid sedari awal lagi. Interaksi lisan yang berkesan di dalam bilik darjah menjadi satu wadah bagi penguasaan kemahiran lisan murid-murid. Interaksi adalah tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain, tindak balas antara dua atau beberapa pihak.

Kepentingan interaksi lisan sebagai medium dan alat pembelajaran perlu diambil kira dalam perancangan kurikulum Bahasa Melayu. Hakikatnya, bahasa perlu difahami sebagai wahana pemikiran yang turut menentukan sikap, nilai, dan pandangan hidup seseorang. Penguasaan bahasa merujuk kepada penguasaan satu sistem komunikasi yang tercermin di dalamnya akal budi dan pemikiran masyarakat bahasa itu (Awang Sariyan 2006).

Bertitik tolak daripada pandangan ini, satu strategi pembelajaran lisan telah dibina dengan penggunaan ICT bagi menangani masalah komunikasi lisan. Pengkaji telah memilih perisian '*Powtoon*' untuk meningkatkan pembelajaran secara kendiri dan Portal '*Primary Wall*' yang berbentuk kolaboratif untuk melatih murid-murid belajar secara kolaborasi. Melalui portal '*Primary Wall*', murid-murid diberi platform untuk menilai prestasi rakan dengan mempraktikkan nilai-nilai kesantunan.

PERNYATAAN MASALAH

Interaksi lisan yang berlangsung di dalam bilik darjah lazimnya berbentuk satu arah dan tidak berlangsung sesi soal jawab yang berkesan. Peluang murid untuk berkomunikasi secara efektif agak terhad kerana pembelajaran lisan yang selalunya dilakukan secara keseluruhan sekelas. Pengkaji prihatin dengan cara pembelajaran lisan ini. Oleh yang demikian selaras dengan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu , iaitu proses pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan untuk

membina kemahiran murid-murid berkomunikasi dan memperoleh informasi tentang bahasa, budaya, sastera dan nilai serta menyampaikan pengetahuan yang diraih dengan fasih dan berkesan, penekanan telah diberikan kepada komponen lisan.

Pengajaran lisan yang berbentuk berpusat pada guru sering mengakibatkan kurang pelibatan secara aktif oleh murid-murid. Ini mengukuhkan tanggapan murid-murid bahawa pembelajaran lisan agak membosankan. Pengkaji telah mengumpul data-data yang berupa markah peperiksaan yang lalu bagi bahagian lisan murid-murid untuk dijadikan data analisa. Dapatan daripada analisis yang dilakukan, mendapati bahawa pengajaran lisan yang dianggap membosankan akan mengakibatkan keputusan lisan yang kurang menyerlah.

Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid sewaktu pembelajaran lisan ialah ketidakupayaan menilai sejauh mana tahap kebolehan pembacaan lancar murid-murid bagi memperoleh markah yang baik bagi komponen bacaan lantang dalam ujian lisan. Lazimnya para guru akan menyuruh murid membaca secara lantang di dalam kelas. Penilaian yang dijalankan hanya secara verbal. Tiada kayu ukur yang relevan dan berkesan bagi menilai tahap kemahiran murid dalam bahagian ini.

Dapatan daripada analisis laporan pemeriksa yang menjalankan praujian lisan mendapati bahawa murid sukar menerangkan sesuatu keadaan dalam gambar dengan tepat. Mereka teragak-agak dan kurang berkeyakinan walaupun telah didedahkan kepada cara menjawab yang berstruktur dan penggunaan kosa kata yang sesuai.

Melalui kajian soal-selidik yang dijalankan bersama 26 orang murid-murid Darjah 5, secara keseluruhan murid-murid didapati tidak tahu cara pembacaan dengan nada dan intonasi yang sesuai. Mereka juga didapati tidak mengetahui keperluan bagi meningkatkan prestasi mereka dalam komponen bacaan. Kebanyakan murid tidak berkeyakinan untuk membaca teks di hadapan rakan-rakan sebaya atau di hadapan guru sewaktu dalam bilik darjah.

Berdasarkan tinjauan awal ini, guru telah merumuskan permasalahan utama di kalangan murid ialah kurang pendedahan dan latihan kendiri untuk mempertingkatkan diri dalam kemahiran berkomunikasi dalam sesuatu senario yang diberi. Kajian awal yang dijalankan juga mendapati bahawa murid-murid tidak berkeyakinan dalam bahagian perbualan berdasarkan gambar. Selain daripada itu, murid-murid juga kurang didedahkan kepada kaedah-kaedah yang

efektif untuk membantu mereka meningkatkan kemahiran perbualan berdasarkan gambar.

Persoalan kajian yang ingin dijawab dalam kajian ini adalah :

1. Adakah keupayaan murid dalam kemahiran lisan dapat dipertingkatkan dan akan membantu dalam persediaan peperiksaan lisan?
2. Adakah penggunaan ICT berkesan dalam pengajaran lisan?, dan
3. Adakah nilai-nilai kesantunan dapat dipupuk dalam memberi laporan balik melalui penggunaan ICT?

TUJUAN KAJIAN

Bagi menyokong inisiatif pembelajaran yang berpusatkan kepada para murid berdasarkan minat mereka, pengkaji telah melakarkan beberapa strategi yang mengintegrasikan penggunaan ICT dalam pembelajaran dan penerapan nilai dalam pengajaran lisan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. meningkatkan keupayaan murid dalam kemahiran lisan supaya dapat membantu murid dalam persediaan peperiksaan lisan.
2. menilai keberkesanan penggunaan ICT dalam pengajaran lisan, dan
3. memupuk nilai-nilai kesantunan dalam memberikan laporan balik melalui ICT.

KAJIAN LITERATUR

Sebahagian besar daripada kalangan pakar berpendapat bahawa kemahiran lisan (mendengar dan bertutur) adalah asas yang penting bagi kemahiran lain seperti menulis dan membaca, (Abdul Aziz Abdul Talib, 1993). Kemahiran menghasilkan bahasa yang betul dalam pertuturan sudah tentu akan mempengaruhi kemahiran menghasilkan bahasa melalui penulisan.

Menurut Mohd Hilmy (1982), pertuturan adalah asas kepada hampir semua pembelajaran bahasa. Pertuturan mendahului bacaan dan latihan bertulis. Murid-murid sepatutnya boleh menyusun fikiran dan idea-idea dalam pertuturnya sebelum mereka membuat latihan bertulis.

Sementara itu dari segi pengujian lisan pula, Heaton (1979), mencadangkan teknik membaca secara kuat, bercerita tentang gambar bersiri, temu bual dan bercakap tentang sesuatu tajuk yang diberikan. Heaton seterusnya menambah

pengujian kemahiran lisan dianggap lengkap dan seimbang jika pengujian itu mengandungi bahagian seperti berikut:

- i. Temubual (mengandungi 60% daripada markah penilaian)
- ii. Bacaan secara kuat (20%)
- iii. Bercerita tentang gambar atau gambar bersiri (20%)

Merujuk kepada pengujian kemahiran bercakap menggunakan kaedah “berucap menurut topik atau tema” Abdul Aziz Abdul Talib (1993) menjelaskan bahawa murid-murid akan diberi pilihan beberapa topik yang sesuai dan menarik. Seorang murid akan memilih satu topik daripada pilihan yang diberikan dan diberi masa satu atau dua hari bagi menyediakan ucapan pendeknya berkaitan dengan topik-topik yang dipilih (topik-topik dipilih adalah mudah dan sesuai dengan tahap dan kebolehan murid).

Gros B et al (2012), menyatakan bahawa integrasi ICT menekankan dua idea yang utama, iaitu pembelajaran berlaku secara kolaboratif bersama orang lain iaitu di dalam kumpulan; ini bermaksud murid-murid tidak terpinggir tetapi berinteraksi dengan orang lain dan idea yang menekankan peranan komputer sebagai suatu elemen yang terlibat dalam proses pembelajaran ini. Maka murid belajar berkolaborasi dan perlu berkolaborasi untuk belajar.

Dalam pembelajaran kolaboratif, murid belajar dan saling mengukuhkan pengetahuan dengan berkongsi pandangan dan pendapat dengan rakan-rakan yang lain dalam suasana interaksi sosial yang berlaku dalam kumpulan. Terdapat banyak aktiviti yang boleh merangsang kemahiran lisan murid dalam aktiviti pembelajaran bercorak kolaboratif.

Teknologi jaringan internet membuka lebih ruang untuk kolaborasi (Alvi dan Dufner, 2005) dan penggunaan komputer dapat dimanfaatkan di mana bahan abstrak dapat diinterpretasikan dengan mudah (Crook, 1998)

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, perkara utama yang telah dilakukan ialah mengenalpasti prestasi murid yang berbentuk markah lisan yang telah dikumpulkan sebelum murid-murid menjalani kaedah pengajaran lisan dengan integrasi ICT. Tinjauan lanjut dilakukan untuk memahami dengan lebih mendalam masalah yang berlaku. Pertama keputusan praujian lisan murid dianalisa dan didapati ramai murid tidak dapat melepassi atau mencapai sasaran markah yang diharapkan oleh pengkaji dalam bahagian bacaan lantang dan perbualan berdasarkan gambar.

Penggabungjalinan penggunaan ICT digunakan untuk membantu murid-murid membina keyakinan diri bagi memperbaiki tahap bacaan masing-masing.

Proses mengenal pasti kelemahan murid melalui markah praujian lisan yang dijalankan sebelum murid-murid didedahkan dengan strategi pengajaran lisan.

Borang soal-selidik digunakan bagi mengenal pasti aspek kelemahan murid dalam kemahiran lisan. Satu strategi pembelajaran yang konstruktif bagi membantu dalam peningkatan kemahiran lisan telah dihasilkan.

Bagi menilai keberkesanan kajian ini, analisis data kuantitatif dilakukan berdasarkan perbandingan markah praujian dan pascaujian lisan. Ujian t-bebas digunakan untuk membandingkan min, dan menilai saiz kesan.

Strategi pembelajaran lisan ini juga menerapkan perancahan melalui aktiviti yang pelbagai dan bertahap-tahap bagi mengukuhkan proses pembelajaran seperti yang ditegaskan oleh Ovando, Collier dan Combs (2003). Perancahan merujuk kepada penyediaan sokongan secara kontekstual bagi pemahaman makna menerusi penggunaan bahasa yang mudah, tunjuk ajar oleh guru, visual yang berbentuk grafik, penglibatan pembelajaran secara kolaborasi dan mengandungi sesi amali.

SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian terdiri daripada sekumpulan murid Darjah 5 seramai 26 orang. Data analisis perbandingan praujian dan pascaujian lisan telah dibuat ke atas murid-murid ini. Murid murid ini telah menjalani pembelajaran lisan itu selama empat bulan.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen bagi kajian ini adalah aktiviti-aktiviti lisan yang telah dibina oleh guru berdasarkan audio rakaman maya dan video berbentuk gambar dengan menggunakan perisian '*Powtoon*'. Di samping itu, penggunaan platform ICT seperti portal '*Primary Wall*' turut digunakan untuk meningkatkan pembelajaran secara kolaborasi. Penggunaan '*Primary Wall*' memberikan platform kepada guru dan murid-murid untuk memberi maklumbalas yang dapat merangsang

daya pemikiran murid dan meningkatkan keyakinan untuk memperbaiki prestasi mereka. Menerusi '*Primary Wall*', komen-komen murid-murid dapat dilihat secara sekelas. Ini membantu mewujudkan kesedaran di dalam diri murid-murid supaya memberikan lapor balik yang berbentuk konstruktif dan beretika. Sebelum ini, guru juga telah membuat perancahan dan membimbing murid-murid supaya memberikan komen-komen yang mengandungi nilai-nilai kesantunan. Refleksi yang terdapat di dalam Lampiran 3 digunakan untuk mendapatkan maklumbalas murid-murid tentang keselesaan mereka dalam memberikan komen yang mengandungi nilai-nilai kesantunan.

PROSEDUR KAJIAN

Kajian ini dijalankan melalui tiga tahap iaitu, i) tahap penggunaan pakej, ii) tahap pendengaran bacaan kendiri dan iii) penghasilan video.

TAHAP PENGGUNAAN PAKEJ

Strategi yang digunakan dalam tahap kajian ini adalah untuk meningkatkan tahap kemahiran lisan dari segi bacaan dan perbualan berdasarkan gambar di kalangan murid-murid darjah 5 yang lemah dalam bahagian tersebut. Strategi ini dilakarkan untuk membantu murid-murid membina keyakinan diri untuk membaca dengan lancar dengan intonasi yang sesuai dan berupaya menceritakan gambar dan video yang diberikan dengan yakin.

Pembelajaran lisan ini dimulakan dengan murid-murid diberikan pakej lisan yang telah pengkaji siapkan. Pakej lisan ini mengandungi panduan dan kosa kata dan terjemahan perkataan bahasa Inggeris dan Melayu. Strategi pembelajaran ini juga mengikut Rancangan Pengajaran (sila lihat Lampiran 4).

Pengkaji akan membimbing murid-murid menggunakan pakej lisan itu untuk mengembangkan dan mengukuhkan kosa kata mereka. Selepas mendapat latihan yang cukup dengan menggunakan pakej lisan ini, murid-murid akan diperkenalkan dengan perisian '*Powtoon*'. Perisian ini membolehkan murid-murid merakam bacaan mereka secara maya dengan menggunakan teks petikan bacaan yang disiapkan oleh guru. Teks petikan bacaan itu adalah daripada pelbagai jenis dan genre. Sebelum murid mula merakam bacaan mereka, guru akan membuat aktiviti perancahan di mana guru akan memperdengarkan bacaan teks yang baik. Selepas itu, murid-murid akan merakam bacaan mereka dengan berpandukan model pembacaan teks tadi.

TAHAP PENDENGARAN BACAAN KENDIRI

Pada tahap kedua pula, setelah murid mendengar bacaan mereka sendiri, mereka akan menilai bacaan rakan yang diperdengarkan secara sekelas. Ini dilakukan dengan menggunakan portal 'Primary Wall'. Perisian 'Powtoon' membolehkan murid-murid merekod bacaan mereka sehingga mereka benar-benar berpuashati dengan kualiti bacaan tersebut. Setelah mendengar dan menilai bacaan oleh rakan sebaya, guru akan membimbing murid-murid memberikan penilaian yang berbentuk konstruktif. Nilai kesantunan diselitkan semasa murid-murid membuat penilaian tersebut.

TAHAP PENGHASILAN VIDEO

Peringkat ketiga ialah menaikmuatkan gambar lisan dengan menggunakan perisian 'Powtoon'. Guru akan memberikan tema-tema yang sesuai untuk murid gunakan sebagai panduan untuk membina video yang berbentuk gambar lisan yang diselitkan perbualan mereka sendiri. Guru akan memulakan pengajaran dengan memaparkan beberapa contoh video yang telah guru siapkan. Murid-murid boleh menghasilkan video ini secara berpasangan atau berkumpulan. Setelah video itu siap, murid-murid boleh merakam perbualan mereka menggunakan audio 'Powtoon'. Mereka akan menjalankan perbualan tersebut berdasarkan panduan-panduan di dalam pakej lisan. Guru akan memilih beberapa hasil rakaman video perbualan ini untuk ditunjukkan secara sekelas. Guru juga akan memperdengarkan beberapa rakaman perbualan berdasarkan gambar secara sekelas. Melalui portal 'Primary Wall', murid digalakkan memberikan maklum balas tentang tahap pencapaian dan prestasi rakan-rakan dengan berpandukan kompilasi komen-komen yang mengandungi nilai-nilai kesantunan yang telah guru siapkan sebagai panduan.

Murid-murid juga digalakkan memberikan komen-komen mereka sendiri dalam bentuk kritikan yang membina dan beretika. Portal 'Primary Wall' menggalakkan pembelajaran secara kolaborasi dalam pembelajaran lisan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan perbandingan markah pra dan pascaujian lisan yang dijalankan dalam kalangan 26 orang murid-murid darjah 5, terdapat peningkatan pada markah ujian lisan murid-murid tersebut. Strategi pembelajaran lisan ini telah berjaya meningkatkan keyakinan murid-murid dalam bahagian bacaan secara


lantang dan perbualan berdasarkan gambar. Selepas menjalani latihan yang berstruktur dengan menggunakan ICT, murid-murid didapati lebih yakin dan dapat membuat bacaan lantang dengan intonasi yang sesuai dengan kehendak teks. Mereka juga lebih yakin dan lancar ketika memberi penerangan dan pendapat semasa membuat perbualan berdasarkan gambar.

Strategi Pembelajaran Lisan ini didapati telah dapat membantu murid menjadi lebih yakin dan lancar ketika membaca secara lantang dan perbualan berdasarkan gambar. Strategi ini dapat mempersiapkan mereka dengan lengkap sebelum ujian lisan. Hasil kajian ini amat memberangsangkan kerana strategi yang dibina dengan integrasi ICT telah menunjukkan hasil yang positif. Secara keseluruhan, kajian ini dapat meningkatkan kemahiran lisan murid.

Antara maklum balas positif melalui kajian ini adalah, pengajaran terancang, pakej lisan dan nota yang dapat digunakan sebagai rujukan dan penerapan kemahiran ICT Murid juga sedar akan pentingnya memperoleh nilai-nilai kesantunan ketika memberi makumbalas terhadap kerja rakan. Murid dilatih cara memberikan laporbalik secara konstruktif.

Analisis Perbandingan markah telah dijalankan untuk melihat perbezaan markah yang didapati oleh murid-murid semasa Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Bacaan dan Perbualan. Terdapat peningkatan murid yang memperolehi markah di dalam band (11-15) berbanding dengan band markah (6-10) markah sebelum mereka menjalani pengajaran lisan yang lebih berstruktur dengan penggunaan ICT.

Rajah 1: Perbezaan Pencapaian Markah Pra dan Pascakajian



Rajah 1 di atas menunjukkan peningkatan yang telah diperolehi oleh murid-murid setelah menjalani kajian ini.

KESIMPULAN

Hasil daripada kajian yang dijalankan dengan menggunakan strategi pengajaran lisan ini, satu kesimpulan boleh dibuat adalah terdapat perkembangan yang positif pada diri dan keyakinan murid-murid dalam kemahiran lisan yang amat sukar untuk diatasi, lebih-lebih lagi setelah melalui beberapa sesi pengajaran dan pembelajaran. Walaubagaimanapun perubahan sikap yang positif dan minat yang ditunjukkan melalui penggunaan bahan ICT yang bersesuaian menunjukkan bahawa penguasaan lisan mereka boleh dipertingkatkan. Sekiranya matlamat utama guru ialah untuk mendapatkan peratusan yang tinggi agar pihak sekolah tidak menyalahkan mereka sekiranya murid gagal di dalam peperiksaan, maka guru akan menekankan kemahiran-kemahiran asas yang perlu diberi perhatian.

Kajian yang dijalankan ini telah juga mencapai tujuan kajian dan sekaligus menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan pada bahagian awal kertas kerja ini. Kajian ini telah berjaya meningkatkan keupayaan murid dalam kemahiran lisan dan telah dapat membantu murid dan menyediakan mereka untuk peperiksaan lisan. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa penggabungjalinan ICT amat berkesan dalam pengajaran lisan dan juga kajian ini telah berjaya memupuk nilai-nilai kesantunan ketika murid memberikan lapor balik kepada rakan-rakan.

Sebagai langkah seterusnya, guru akan memperbaiki lagi strategi pembelajaran lisan dengan meneroka perisian-perisian lain yang boleh meningkatkan minat murid dalam kemahiran lisan.

Nota:

Guru berikut turut terlibat dalam kajian ini.

1. Sheikha Fadzlon Shaik Yakob

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Talib (1993). Menguji Kemahiran Bahasa.' Prinsip, teknik dan contoh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kilani Mohamed. (2001). Teori pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Awang Sariyan. (2006). Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Gros, B., Garcia, Y., & Escofet, A. (2012). Beyond the Net Generation Debate: A comparison of digital learners in face-to-face and virtual universities. International Review of Research in Open and Distance Learning,
- Heaton (1979). Kumpulan contoh proposal Skripsi Bahasa Inggeris,'The Effect of Think Aloud Strategy Toward Students Reading Skill: Study at 9th Grade SMP Negeri 19 Mataram in Academic Year 2013/2014.Inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Bahasa Melayu. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. (1970). Penyelidikan dalam Pendidikan. Petaling Jaya: McGraw-Hill (M) Sdn. Bhd.
- Mohd Majid Kinting (2005). Pembelajaran Masteri. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Noraini Idris (2010). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ovando,C.Collie,V.& Combs, M. (2003). Bilingual and ESL classrooms: Teaching Multicultural Contexts 93rd ed.). Boston: McGraw-Hill.
- Pelaksanaan Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (JLBS) Bahasa Melayu di Sekolah Menengah. Tesis Sarjana Sains. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Bangi. Kementerian Pelajaran Malaysia. (2001).
- Roselan Baki (2003). Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement, 596-608.
- Saville-Troike, Muriel (2003). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd
- Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2008 (Singapore CPDD, MOE 2007)

SEKOLAH RENDAH EASTSPRING
RUBRIK PENILAIAN LISAN

Nama : _____

Tarikh : _____

Kelas : _____

Bahagian A : Bacaan Lantang

Kriteria	Cemerlang (10-8)	Baik (7-5)	Boleh Diperbaiki (4 ke bawah)
Sebutan dan Kejelasan	<ul style="list-style-type: none"> • sebutan sentiasa jelas • tiada kesilapan dari segi sebutan <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> • sebutan hampir keseluruhannya jelas • hanya sedikit kesilapan dari segi sebutan <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> • sebutan kurang jelas • terlalu banyak kesilapan sebutan <input type="checkbox"/>
Kelancaran dan Gaya	<ul style="list-style-type: none"> • bacaan lancar • penggunaan jeda dan rentak sesuai • variasi nada sesuai <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> • bacaan tidak begitu lancar • penggunaan jeda dan rentak agak sesuai • variasi nada adakahanya kurang sesuai <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> • bacaan tersekat-sekat • penggunaan jeda dan rentak tidak sesuai • bacaan mendatar • tiada variasi nada <input type="checkbox"/>

Komen Guru :

Nama / Tanda tangan Guru
 Tarikh

Tanda tangan waris /

SEKOLAH RENDAH EAST SPRING
RUBRIK PENILAIAN LISAN

Nama : _____

Tarikh :

Kelas : _____

Bahagian B : Penerangan Berdasarkan Gambar

Kriteria	Cemerlang (10-8)	Baik (7-5)	Boleh Diperbaiki (4 ke bawah)
Isi dan Respons	<ul style="list-style-type: none"> • isi cerita lengkap • kebanyakan pendapat menarik dan relevan • huraihan idea jelas • respons jelas <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> • isi cerita agak lengkap • beberapa pendapat relevan • huraihan idea agak jelas • respons memadai <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> • isi cerita kurang sesuai • pendapat tidak jelas • hampir tiada huraihan idea • respons sukar difahami <input type="checkbox"/>
Bahasa dan Penyampaian	<ul style="list-style-type: none"> • penyampaian lancar, tepat dan yakin • hampir tiada kesalahan bahasa <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> • penyampaian agak tersekat-sekat • beberapa kesalahan bahasa <input type="checkbox"/>	<ul style="list-style-type: none"> • penyampaian tidak lancar • kosa kata terhad • struktur ayat kurang baik <input type="checkbox"/>

Komen Guru :

Nama / Tanda tangan Guru
Tarikh

Tanda tangan waris /

Sekolah Rendah East Spring
Refleksi Murid-murid

Nama : _____

Tarikh : _____

Darjah : P 5N/____

Arahan : Tandakan ✓ di ruangan yang sesuai

No	Item		
1	Saya dapat memberikan komen yang postif.		
2	Saya berjaya memberikan motivasi kepada rakan-rakan saya.		
3	Rakan-rakan saya menghormati komen dan pendapat saya.		
4	Rakan-rakan dapat berasa senang dan mengikuti komen saya.		

**Rancangan Pengajaran
Penggunaan ICT dalam Pengajaran Lisan**

Proses Pembelajaran			
Matlamat Pengajaran	Aktiviti	Bahan Pengajaran	Penilaian
Matlamat Pengajaran	<p>Di akhir pengajaran, murid dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. membaca dengan gaya dan intonasi yang baik 2. bertutur dengan lancar dan yakin tentang gambar yang diberikan. 3. memberi komen yang membina kepada rakan 4. menggunakan bahasa yang beretika semasa memberi komen. 		
Masa	Aktiviti	Bahan Pengajaran	Penilaian
5 minit	<p><u>Induksi:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Murid menonton video ringkas dalam bentuk Powtoon yang telah guru siapkan berdasarkan sebuah gambar lisan. 2. Guru bertanyakan beberapa soalan bagi merangsang murid untuk bercerita tentang situasi yang ada di dalam gambar itu. 	Persembahan Powtoon yang telah guru siapkan.	Guru mencungkil pengetahuan sedia ada murid tentang gambar lisan tersebut.
10 minit	<p><u>Langkah 1:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Setiap kumpulan diberikan sekeping sampul surat yang mengandungi keratan gambar berbentuk situasi-situasi di dalam gambar tersebut. (<i>jigsaw puzzle</i>) 2. Murid mencantumkan keratan-keratan gambar tersebut sehingga menjadi gambar yang lengkap. Gambar yang lengkap ditampal di kertas sebak. 3. Murid senaraikan perkataan-perkataan yang sesuai yang boleh digunakan bagi gambar tersebut. 4. Murid boleh menggunakan panduan kosa kata yang telah guru kompilasikan di dalam Pakej Lisan. 	Sampul surat Keratan Gambar Kertas sebak	Guru menilai pemahaman murid melalui pemantauan perbincangan murid dan perkataan-perkataan yang disenaraikan.
5 minit	<p><u>Langkah 2:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Setiap kumpulan melawat kumpulan- 	Post-it Gambar Lisan	Guru memantau senarai

	<p>kumpulan yang lain untuk melihat hasil perbincangan mereka. (<i>gallery walk</i>)</p> <p>2. Setiap kumpulan diberikan beberapa keping ‘post-it’ supaya mereka boleh mencadangkan perkataan-perkataan tambahan untuk setiap kumpulan yang mereka lawati.</p>	Kertas sebak	perkataan yang dicadangkan.
5 minit	<p><u>Langkah 3:</u></p> <p>1. Murid pulang ke kumpulan masing-masing. Dengan menggunakan senarai perkataan yang telah disediakan, murid berbincang dan meluaskan penerangan bagi gambar tersebut</p>	Post-it Gambar Lisan Kertas sebak	Guru memantau perbincangan setiap kumpulan lalu memberi idea-idea tambahan jika perlu
20 minit	<p><u>Langkah 4:</u></p> <p>1. Murid pergi ke komputer masing-masing lalu memulakan perisian ‘Powtoon’.</p> <p>2. Murid memuatnaikkan keratan-keratan gambar dalam bentuk situasi yang telah guru berikan dalam bentuk ‘softcopy’ kepada mereka.</p> <p>3. Murid membuat rakaman masing-masing bagi penerangan mereka tentang gambar lisan tersebut.</p> <p>4. Murid-murid juga diberikan beberapa petikan bacaan dan mereka mula merakamkan bacaan mereka dengan ‘Audio Note’ Powtoon.</p>	Perisian Powtoon Gambar Lisan (<i>Softcopy</i>)	Video yang dihasilkan. Rakaman bacaan yang dihasilkan.
5 minit	<p><u>Langkah 5:</u></p> <p>1. Guru memilih beberapa rakaman bacaan murid untuk diperdengarkan secara sekelas.</p> <p>2. Guru mengingatkan murid-murid agar memberi kritikan yang membina dan menggunakan bahasa yang sopan semasa perbincangan.</p> <p>3. Murid menilai bacaan rakan mereka</p>	Rakaman audi bacaan di Powtoon. Rakaman video di Powtoon. Portal ‘Primary Wall.’	Perbincangan dan saranan yang murid berikan.

	<p>serta memberi beberapa saranan dan laporbalik yang bersesuaian melalui perisian ‘Primary Wall.’</p> <p>4. Oleh kerana komen-komen tersebut boleh dibaca oleh rakan-rakan mereka yang lain secara live, murid-murid diingatkan supaya memberikan komen dan kritikan yang positif dan membina.</p> <p>5. Terlebih dahulu murid-murid telah dibimbing untuk menulis komen-komen secara santun dan beretika.</p> <p>6. Satu sesi telah dijalankan untuk membimbing murid-murid memilih perkataan dan menggunakan penggunaan bahasa yang sesuai untuk menilai prestasi rakan.</p> <p>7. Guru telah terlebih dahulu membuat perancangan dan membimbing murid-murid membuat kompilasi ayat-ayat yang mencerminkan nilai-nilai kesantunan semasa memberikan komen.</p> <p>8. Murid-murid digalakkan menggunakan panduan itu atau idea mereka sendiri tetapi guru menekankan penggunaan komen-komen yang beretika.</p> <p>9. Guru menjalankan struktur yang sama dengan video perbualan berdasarkan gambar pula.</p>		
5 minit	<p><u>Penutup:</u></p> <p>1. Murid membuat refleksi tentang pembelajaran pada hari itu.</p> <p>2. Guru merumuskan apa yang dipelajari pada hari itu.</p>	Borang Refleksi	Komen murid dalam borang refleksi.